

09 MAY 2003

Fong-Pelancongan (Bergambar)

INDUSTRI PELANCONGAN DITINGKATKAN MENERUSI PAKEJ RANGSANGAN

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Industri pelancongan negara dijangka mendapat galakan menerusi pakej rangsangan yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata pertimbangan itu dibuat memandakan industri terbabit teruk terjejas akibat wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang menyebabkan lebih 100 pekerja agensi pelancongan diberhentikan sementara.

Kementerian sendiri tidak dapat menawarkan insentif tetapi kerajaan akan memberikan galakan itu menerusi pakej rangsangan yang akan diumumkan bulan ini, kata Fong kepada pemberita selepas melawat Texas Instruments Malaysia Sdn Bhd, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang antara lain menyebut industri perhotelan kerugian RM82.7 juta sepanjang April akibat SARS.

"Setakat ini, interaksi kita dengan pengusaha hotel menunjukkan mereka tidak mempunyai rancangan untuk mengurangkan pekerja secara besar-besaran. Mereka boleh bertahan sehingga Jun," katanya.

Fong berkata pengusaha terbabit sudah mengambil beberapa langkah seperti memendekkan waktu beroperasi dan memberi cuti tanpa gaji kepada pekerja.

"Kebanyakan agensi yang terbabit dalam industri pelancongan sedang berbincang dengan pengusaha hotel, Mereka meminta insentif seperti pengurangan tarif elektrik, air. Kita perlu perlu beri respons sewajarnya," katanya.

Ditanya sama ada kementerian menerima laporan bahawa majikan memaksa pakerja masing-masing yang dikuarantin kerana SARS, mengambil cuti tahunan, Fong berkata: Tidak.

"Jika ambil cuti tahunan adalah tidak adil kerana mereka tidak boleh berbuat demikian ikut undang-undang. Cadangan kementerian kalau ada kes-kes seperti ini agar kakitangan itu diberi cuti tanpa rekod," katanya.

Sempena lawatan it kilang itu, Fong juga menyampaikan sijil latihan kepada 51 pekerja.

Texas Instruments, anak syarikat penuh Texas Instruments Inc, Amerika Syarikat, merupakan pengilang semikonduktor utama negara.

Pada taklimat sebelum itu, pengarah urusan Texas Instruments Tham Wai Keong berkata sejak penubuhannya pada 1972, syarikat telah melabur lebih RM1.2 bilion dan mengekport produk Buatan Malaysia bernilai lebih RM20.2 bilion.

-- BERNAMA

NM AHH LAT